

TILNOXCAM TABLET

Tenoxicam (20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tilnoxcam
2. Bagaimana Tilnoxcam berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tilnoxcam
4. Cara menggunakan Tilnoxcam
5. Semasa menggunakan Tilnoxcam
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tilnoxcam
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tilnoxcam

Tilnoxcam mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai tenoxicam.

Tilnoxcam digunakan untuk melegakan kesakitan, bengkak, kemerahan dan keradangan yang mungkin berlaku dalam

- pelbagai jenis artritis, termasuk *osteoarthritis* (Penyakit degenerative sendi), *rheumatoid arthritis* (keradangan sistemik yang mempengaruhi sendi), *ankylosing spondylitis* (Penyakit inflamasi kronik pada spina)
- melegakan kesakitan dan keradangan akut dan kronik

Bagaimana Tilnoxcam berfungsi

Tenoxicam tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *non-steroidal anti-inflammatory drug (NSAIDs)*. Ia berfungsi untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan (bengkak dan kemerahan) dengan menghalang aktiviti hormon yang tertentu.

Sebelum menggunakan Tilnoxcam

-Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil Tilnoxcam sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif tenoxicam atau terhadap bahan-bahan lain dalam produk ini
- Mempunyai polyps hidung, *angioedema* (bengkak sekeliling mata, bibir, organ seksual, tangan dan kaki) atau *bronchospasm* (kesukaran bernafas), *urticaria* (gatal-gatal) dan gejala-gejala yang menjadi teruk disebabkan oleh Aspirin atau NSAID.

- Pernah mengalami atau mempunyai masalah perut atau usus seperti ulser atau pendarahan
- Pernah mengalami pendarahan atau penembusan (lubang) perut disebabkan oleh pengambilan NSAIDs
- Akan menjalani pembedahan atau pengambilan ubat bius.

-Sebelum menggunakan Tilnoxcam

Beritahu doktor sekiranya anda:

- Mempunyai alahan kepada ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna
- Mempunyai masalah jantung, tekanan darah tinggi dan pernah mengalami strok
- Mempunyai fungsi ginjal dan hati terjejas
- Mengalami trombosis (pembekuan darah di dalam saluran darah)
- Mempunyai atau pernah mengalami ulser, pendarahan dan penembusan perut atau usus
- Mempunyai penyakit perut dan usus termasuk *ulcerative colitis*
- Perokok atau peminum alkohol
- Pesakit warga emas

Tenoxicam boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk, misalnya *exfoliative dermatitis*, *toxic epidermal necrolysis*, *Steven-Johnson Syndrome*. Gejala-gejala termasuk ruam kulit, lepuh dan kupasan. Ini mungkin merupakan gejala-gejala yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan segera.

Rujukkan kepada doktor anda sebelum anda mula menggunakan TILNOXCAM sekiranya anda sedang hamil, bercadang untuk hamil, sedang menyusu atau ingin menyusu bayi. Doktor anda akan mengimbangkan risiko dan kebaikan pengambilan ubat ini.

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Tilnoxcam. Adalah penting untuk anda

memberitahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil:

- Ubat-ubatan untuk mengikat protein seperti
 - ❖ Aspirin, salicylates atau NSAID lain untuk melegakan kesakitan dan bengkak
 - ❖ Warfarin, ubat untuk menghentikan pembekuan darah
 - ❖ Sulfonylurea, ubat untuk penyakit kencing manis
- Methotrexate, ubat untuk artritis and sesetengah kanser
- Lithium untuk masalah mental
- Diuretics, ubat untuk tekanan darah tinggi
- Cholestyramine, ubat untuk cirit-birit

Senarai ini mungkin tidak lengkap bagi semua interaksi yang mungkin berlaku. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika tenoxicam boleh berinteraksi dengan ubat-ubatan lain yang anda ambil.

Cara menggunakan Tilnoxcam

Sentiasa ambil Tilnoxcam sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Tablet ini seharusnya ditelan bersama-sama dengan kuantiti air yang mencukupi pada masa yang tentu setiap hari. Ia sesuai diambil selepas makan untuk pesakit yang mempunyai perut yang sensitif.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan menentukan dos anda dengan bergantung kepada situasi semasa anda.

Dewasa

Satu Tilnoxcam tablet sehari.

Kanak-kanak di bawah tahun 18

Tilnoxcam tidak disyorkan untuk kanak-kanak.

Warga emas dan pesakit dengan masalah hati dan ginjal

Doktor akan menentukan dos anda, ia biasanya akan lebih rendah daripada dos yang diberikan kepada orang dewasa.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini sepertimana yang diarahkan dan tempoh rawatan adalah ditentukan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor. Ubat ini membantu mengawal keadaan anda, tetapi bukan menyembuhkannya. Adalah penting bahawa anda tidak berhenti mengambil ubat ini dengan tiba-tiba walaupun anda sudah berasa sihat.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan mengambil Tilnoxcam seperti biasa. Jika hampir masa kepada dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah segera pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Semasa menggunakan Tilnoxcam

-Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa mengambil Tilnoxcam dengan mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan, kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandung, semasa mengambil Tilnoxcam.
- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Tilnoxcam.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami simptom yang sama seperti anda.
- Jangan berhenti mengambil Tilnoxcam tanpa merujuk kepada doktor anda walaupun anda sudah berasa sihat.
- Jangan gunakan Tilnoxcam yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan strip ubat.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin, sehingga anda tahu bagaimana ubat ini mempengaruhi keadaan anda.

Tilnoxcam mungkin menyebabkan pening atau sakit kepala. Sekiranya anda mengalami simptom-simptom tersebut, jangan memandu kereta, mengendalikan mesin, atau melakukan perkara yang mungkin membahayakan anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Tilnoxcam boleh menyebabkan kesan sampingan kepada pesakit terutamanya pada permulaan pengambilan ubat walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda perasan sebarang kesan-kesan sampingan berikut yang merisaukan anda :

- Ketidakselesaan perut termasuk loya, ketidakhadaman dan kembung
- Muntah, cirit-birit dan sakit epigastrik
- Sakit kepala, pening, letih dan kemurungan

Berikut adalah serius kesan sampingan. Anda mungkin perlu diberi perhatian perubatan yang segera.

- Reaksi Alahan: ruam kulit, gatal-gatal, lepuh atau bengkak secara tiba-tiba pada bahagian muka, bibir atau lidah yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau pernafasan
- Kulit menjadi lebih sensitif kepada cahaya matahari
- Peningkatan dalam tahap kreatinin dan nitrogen urea darah
- Penyakit sel-sel darah: Pengurangan dalam sel-sel darah menyebabkan anemia (kulit

puat dan lemah), pendarahan dan lebam atau demam yang kerap

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mendapati kesan-kesan sampingan lain yang menyebabkan anda tidak sihat. Sesetengah pesakit mungkin mengalami kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Tilnoxcam

- Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering dibawah suhu 30°C. Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Jangan simpan Tilnoxcam atau ubat-ubat lain di dalam tandas, berdekatan dengan sinki atau ditinggalkan di tepi tingkap atau di dalam kereta.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan gunakan Tilnoxcam yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan strip.

Ubat-ubatan tidak sepatutnya dibuang seperti biasa. Tanya doktor atau ahli farmasi bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut jika doktor memberitahu anda berhenti mengambil Tilnoxcam atau tempoh tarikh tamat telah berlalu.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

TILNOXCAM TABLET ialah bujur, dwicembung tablet yang berwarna kuning dan garis pembelahan pada satu permukaan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi tenoxicam 20mg..

- Bahan tidak aktif

Sodium starch glycolate, corn starch, polyethylene glycol, titanium dioxide, iron oxide yellow, hydroxypropyl methylcellulose, lactose, colloidal silicon dioxide, magnesium stearate, sodium lauryl sulfate, povidone, talcum dan purified water.

-Bungkusan

Ia boleh didapati dalam strip 10 tablet dan dipek dalam kotak 500 tablet.

-Nombor MAL

MAL19973335A

Pengilang

T.O. Pharma Co., Ltd.
101 Ladprao 124, Wangthong Lang,
Bangkok 10310, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn Bhd.
No. 5&9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/08/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)210815/00271

